

21 JAN 2003

Muhyiddin-Kedai

KERAJAAN AKAN WUJUD KEMBALI KONSEP KEDAI HARGA PATUT

KUALA LUMPUR, 21 Jan (Bernama) -- Konsep kedai harga patut akan dihidupkan kembali dengan pendekatan baru sejajar dengan hasrat kerajaan untuk menarik lebih ramai pengguna dan pelancong berbelanja di negara ini, kata Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) Tan Sri Muhyiddin Yassin.

"Kita mahu konsep kedai harga patut itu menjadi satu skim yang boleh berjalan sepanjang masa dan selari dengan kehendak kerajaan untuk memberi kemudahan kepada pengguna selain menarik pelancong untuk berbelanja di Malaysia, kerana kita menawarkan produk berkualiti dengan harga berpatutan," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media selepas melancarkan buku "Beyond Consumer Culture-Other Responsibilities, Potential and Practises" yang diterbitkan oleh Persatuan Pengguna Pulau Pinang (CAP) di sini, hari ini.

Muhyiddin berkata rancangan mewujudkan kedai tersebut diputuskan kabinet atas arahan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad beberapa minggu lepas yang bertujuan mengenal pasti peniaga yang mematuhi amalan perniagaan yang baik dan menawarkan produk mereka pada harga yang berpatutan.

Katanya satu jawatankuasa khas di peringkat kementerian telah ditubuhkan untuk mengenal pasti peniaga-peniaga yang berpotensi untuk menyertai program tersebut.

Kementerian akan mengeluarkan sijil akreditasi kepada pemilik kedai yang menyertai program itu bulan depan.

Muhyiddin berkata konsep kedai harga patut itu bukan sesuatu yang baru kerana ia pernah diperkenalkan sebelum ini tetapi terpaksa dihentikan memandangkan ada antara peniaga yang menyertainya gagal mematuhi kriteria yang ditetapkan.

"Konsep baru itu bukan bermaksud mewujudkan kedai-kedai baru sebaliknya untuk mengenal pasti peniaga sedia ada yang mematuhi konsep kedai harga patut berdasarkan rekod dan jenis barangan yang dijual dalam tempoh masa tertentu," katanya.

Antara kriteria produk yang cenderung dipilih menyertai konsep kedai harga patut itu ialah produk yang popular di kalangan pengguna, barangan yang diminati pelancong, produk berjenama, hasil kraftangan, produk keluaran tempatan dan kedai yang menjual barangan bebas cukai.

"Kita tahu di negara kita banyak peniaga barang yang sudah tidak dikenakan cukai masih jual pada harga berbeza, malah ada yang lebih tinggi dari yang sepatutnya.

"Oleh itu, barang yang telah dihapuskan cukai akan turut disenaraikan sebagai barang yang sepatutnya dijual dengan harga yang berpatutan," katanya.

Muhyiddin berkata bagi memastikan kedai-kedai yang terpilih sebagai kedai harga patut sentiasa memenuhi kriteria yang digariskan, kementeriannya akan sentiasa membuat pemantauan dari masa ke semasa.

"Satu pasukan khas daripada kementerian akan membuat pemeriksaan dari masa ke semasa selain mendapat maklumat pengguna untuk memastikan sama ada benar atau tidak syarikat yang mengambil bahagian tawar pada harga berpatutan pada masa tertentu sahaja atau sepanjang masa."

Beliau berkata mana-mana kedai yang didapati gagal mematuhi kriteria akan dikeluarkan daripada senarai kedai harga patut.

Katanya kerajaan turut menyediakan pelbagai inisiatif bagi kedai-kedai yang menyertai program itu antaranya menyenaraikan premis-premis perniagaan mereka di dalam risalah-risalah yang dikeluarkan kerajaan seperti Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan dan KDNHEP.

Selain itu kerajaan akan berbincang dengan pihak perbendaharaan untuk mempertimbangkan kemungkinan memberi galakan dalam bentuk rebet cukai jualan kepada peniaga yang mengambil bahagian berdasarkan inisiatif menawarkan produk pada harga patut tanpa sebarang gesaan daripada kerajaan, tambahnya.

-- BERNAMA
SNS MFJ HM